# TADBIR URUS DATA:
# PERKONGSIAN DAN PEMANFAATAN DATA

MAMPU
BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI

# KANDUNGAN

1 HALA-TUJU STRATEGIK

2 TADBIR-URUS DATA

3 DEFINISI DATA DAN PERKONGSIAN DATA

4 FAEDAH BERKONGSI DATA

5 ISU DAN CABARAN PERKONGSIAN DATA DAN USAHA PEMANTAPAN

6 RUMUSAN

JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

# HALA-TUJU STRATEGIK

## PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP) SEKTOR AWAM 2021-2025

Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan Sektor Awam untuk tempoh lima tahun yang akan menjadi panduan kepada agensi Sektor Awam bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang mampan ke arah membentuk masyarakat digital.

**VISI**
**"Kerajaan Digital Mampan Pemangkin Masyarakat Digital"**

**TERAS STRATEGIK**
**7** Teras Strategik adalah tonggak kepada kelangsungan pelaksanaan aspirasi Kerajaan Digital.

**PRINSIP PANDUAN**
**10** Prinsip Panduan adalah dasar yang mendorong ke arah kejayaan pelaksanaan inisiatif pendigitalan

**EKOSISTEM PEMBOLEH DAYA**
**9** ekosistem pemboleh daya adalah komponen strategik untuk menyokong kejayaan dan kelestarian inisiatif pendigitalan




Kerangka Hala Tuju Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025

Sumber: PSPSA 2021-2025

# RINGKASAN TERAS STRATEGIK, STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN

## VISI: KERAJAAN DIGITAL MAMPAN PEMANGKIN MASYARAKAT DIGITAL

**7 TERAS** | **19 STRATEGI** | **49 PROGRAM** | **142 INISIATIF**

### T1 — PEMANFAATAN KEPINTARAN DATA

- S1: Pengukuhan Pengurusan dan Penyelarasan Data
- S2: Pengukuhan Inisiatif Data Terbuka
- S3: Pemerkasaan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan Berasaskan Kepintaran Data

7 Program | 24 Inisiatif

### T2 — PENERAJU PERKHIDMATAN DIGITAL INSKLUSIF DAN BERSEPADU

- S1: Pemerkasaan Penyampaian Perkhidmatan Digital Berpaksikan Rakyat
- S2: Pemerkasaan Ekonomi Digital Melalui Inisiatif Pendigitalan
- S3: Pemerkasaan Ekosistem Kondusif Persekitaran Kerja Digital Penjawat Awam

9 Program | 28 Inisiatif

### T3 — TADBIR URUS TUNTAS DAN TANGKAS

- S1: Pemantapan Tadbir Urus Digital
- S2: Pemerkasaan Pengurusan Organisasi Digital bagi Menerajui Pendigitalan Sektor Awam
- S3: Pemerkasaan Kepimpinan Strategik Sektor Awam

9 Program | 22 Inisiatif

### T4 — PEMERKASAAN DAN PENYEGARAN MODAL INSAN

- S1: Pemerkasaan Keupayaan dan Pengekalan Bakat Pemimpin Digital
- S2: Pengukuhan Pengurusan dan Pengekalan Bakat Personel Perkhidmatan Sistem Maklumat
- S3: Pemantapan Kompetensi Digital Personel Sektor Awam

7 Program | 18 Inisiatif

### T5 — PENGOPTIMUMAN NILAI PERKHIDMATAN GUNA SAMA YANG SELAMAT

- S1: Pemantapan Infrastruktur Pengkomputeran Awan Sektor Awam
- S2: Pemantapan Keupayaan Rangkaian dan Komunikasi Digital
- S3: Pemerkasaan Perkhidmatan dan Pematuhan Keselamatan Siber

8 Program | 27 Inisiatif

### T6 — PENJENAMAAN, PELUASAN PROMOSI DAN PEMBUDAYAAN

- S1: Pembangunan Penjenamaan Nasional
- S2: Pemantapan Program Pembudayaan, Promosi dan Pengurusan Perubahan Perkhidmatan Digital

5 Program | 11 Inisiatif

### T7 — ADAPTASI KEMUNCULAN TEKNOLOGI BAHARU YANG RELEVAN

- S1: Pengurusan dan Penyelarasan *Emerging Technologies* Sektor Awam
- S2: Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Digital Kerajaan Melalui *Emerging Technologies*

4 Program | 12 Inisiatif

*Sumber: PSPSA 2021-2025*

# T1 PEMANFAATAN KEPINTARAN DATA

**Objektif:**

1. Memperkukuh pengurusan dan penyelarasan data di peringkat nasional dan Sektor Awam
2. Melonjakkan perancangan, pembangunan dasar dan keputusan berasaskan kepintaran data

| | | PROGRAM (7) | INISIATIF/ AKTIVITI (24) |
|---|---|---|---|
| STRATEGI 1 | • PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA | 3 | 9 |
| STRATEGI 2 | • PENGUKUHAN INISIATIF DATA TERBUKA | 2 | 7 |
| STRATEGI 3 | • PEMERKASAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN BERASASKAN KEPINTARAN DATA | 2 | 8 |

*Sumber: PSPSA 2021-2025*

# T1 PEMANFAATAN KEPINTARAN DATA

**Objektif:**

1. Memperkukuh pengurusan dan penyelarasan data di peringkat nasional dan Sektor Awam
2. Melonjakkan perancangan, pembangunan dasar dan keputusan berasaskan kepintaran data



## STRATEGI 1 PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA

### P1 PENGUKUHAN STRUKTUR TADBIR URUS DATA

A1. Menubuhkan sebuah organisasi yang menerajui pelaksanaan inisiatif data nasional

A2. Mewujudkan tadbir urus data nasional

A3. Menggubal hala tuju data nasional (*National Data Strategy*)

A4. Mewujudkan satu bahagian khusus pengurusan dan pelaksanaan inisiatif data di kementerian/agensi

### P2 PEMANTAPAN AKTA, DASAR, PIAWAIAN DAN GARIS PANDUAN INISIATIF DATA

A1. Melaksanakan kajian keperluan akta, dasar, piawaian dan garis panduan berkaitan inisiatif data

A2. Memantapkan akta, dasar, piawaian dan garis panduan berkaitan inisiatif data

### P3 PENGUKUHAN HAB PERKONGSIAN DAN PENGURUSAN DATA

A1. Memperkukuh hab perkongsian data Kerajaan

A2. Melaksanakan peningkatan dan migrasi portal hab perkongsian dan pengurusan data

A3. Melaksanakan peningkatan perkhidmatan integrasi dan *web services* (API)

# STRATEGI, PROGRAM DAN INISIATIF (2/2)

## T1 PEMANFAATAN KEPINTARAN DATA

### STRATEGI 2 — PENGUKUHAN INISIATIF DATA TERBUKA

**P1 PEMERKASAAN DATA TERBUKA**

A1. Memantapkan mekanisme penerbitan data berkualiti sejajar standard antarabangsa

A2. Memantapkan pembangunan inovasi berpacukan data terbuka bagi pembangunan produk data yang inovatif dan berdaya saing

A3. Mengaplikasikan amalan *Open Contracting Data Standard* (OCDS) dan *Open Contracting for Infrastructure Data Standard* (OC4IDS)

A4. Mewujudkan kerangka penilaian prestasi data terbuka berasaskan amalan baik penilaian di peringkat global

A5. Membangunkan Indeks Data Terbuka Malaysia dan mengukuhkan platform Infrastruktur Data Terbuka

**P2 PENGUKUHAN KOLABORASI STRATEGIK**

A1. Mempertingkat kolaborasi strategik bersama-sama dengan pihak industri, akademia dan komuniti Data Terbuka Malaysia

A2. Memantapkan kelangsungan kolaborasi strategik di peringkat antarabangsa

### STRATEGI 3 — PEMERKASAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN BERASASKAN KEPINTARAN DATA

**P1 PELUASAN INISIATIF ANALITIS DATA RAYA SEKTOR AWAM (DRSA)**

A1. Mengkaji dan mengenal pasti produk data raya berimpak tinggi Sektor Awam

A2. Membangunkan produk data raya berimpak tinggi Sektor Awam

A3. Meluaskan produk data raya berimpak tinggi merentasi Sektor Awam dan swasta

**P2 PEMBANGUNAN ANALITIS DATA RAYA DAN KECERDASAN BUATAN SEKTOR AWAM**

A1. Melaksanakan kajian kesediaan pelaksanaan analitis data raya dan kecerdasan buatan Sektor Awam

A2. Membangunkan inisiatif analitis data raya dan kecerdasan buatan Sektor Awam

A3. Melaksanakan kajian keberkesanan dan impak pelaksanaan data raya dan kecerdasan buatan Sektor Awam bagi ramalan dalam pembuatan keputusan

A4. Memberikan khidmat perundingan dan menjadi pakar rujuk dalam bidang analitis data raya dan kecerdasan buatan di peringkat Sektor Awam

A5. Melaksanakan penyelidikan inovasi analitis data raya dan kepintaran data

# PRINSIP PANDUAN

**Prinsip Panduan** adalah dasar yang mendorong ke arah kejayaan pelaksanaan inisiatif pendigitalan.

Kebolehpercayaan dalam melaksanakan perkhidmatan yang disediakan dengan tepat, mudah dan lancar di samping memastikan kualiti perkhidmatan adalah terjamin dan selamat.

*Open by default* menggariskan data diterbitkan sebagai data terbuka kecuali data peribadi, data terperingkat atau data rahsia rasmi yang dapat memberi impak kepada ekonomi, sosial dan persekitaran di samping mengekalkan ketelusan data.

Membudaya pengurusan perisian melalui pendekatan sumber terbuka sebagai pilihan utama dalam membangunkan perkhidmatan digital Kerajaan.

Transformasi digital kepada sistem dan prosedur kerja semasa membolehkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan diberikan secara digital (*digital by default*), berasaskan keperluan rakyat, telus, mudah dan cepat.




Memastikan rakyat tidak perlu memberikan maklumat yang sama berulang kali menerusi perkhidmatan digital Kerajaan.

Pengurusan projek dalam era digital yang menggunakan metodologi pengurusan projek ICT Sektor Awam secara digital (dPPrISA) sebagai rujukan.

Menyediakan perkhidmatan digital yang terbaik, mudah digunakan, lancar berteraskan keperluan rakyat dengan memastikan tiada siapa ketinggalan (*leaving no one behind*)

Mematuhi akta, dasar dan garis panduan serta amalan terbaik ICT.

Melaksana tugas mengikut peraturan, undang-undang dan prosedur yang ditetapkan di samping meningkatkan ketelusan dalam operasi kerajaan dan perkongsian maklumat serta pembabitan rakyat dalam menjalinkan kerjasama di antara agensi ataupun jabatan Kerajaan.

Mengurus data sebagai aset dan dikongsi sebagai nilai tambah kepada perkhidmatan digital merentasi Kerajaan, akademia, industri dan rakyat secara domestik mahupun global.

***Sumber: PSPSA 2021-2025***

# EKOSISTEM PEMBOLEH DAYA

**Ekosistem Pemboleh Daya** adalah komponen strategik untuk menyokong kejayaan dan kelestarian inisiatif pendigitalan.




**Sumber: PSPSA 2021-2025**

## 01 Keberkesanan Tadbir Urus Digital

Pengukuhan tadbir urus digital dan organisasi yang mantap bagi memastikan kejayaan agenda pendigitalan sektor awam.

## 02 Sikap, Kemahiran dan Pengetahuan

Sikap, kemahiran dan pengetahuan yang sesuai dan tepat untuk memastikan kelangsungan perkhidmatan digital yang ditawarkan adalah relevan dan memenuhi keperluan pelanggan seiring dengan kemunculan teknologi baharu.

## 03 Kepimpinan Digital

Kepimpinan digital diperlukan untuk menentukan dan memandu hala tuju, membuat keputusan dan meneroka peluang inovasi digital seiring kemunculan teknologi baharu.

## 04 Koordinasi dan Kolaborasi

Penyelarasan yang berkesan dan menyeluruh yang didokong oleh tadbir urus yang mantap serta kolaborasi dinamik antara Kerajaan, akademia, industri, rakyat dan sebagainya dalam semua aspek pendigitalan merentas agensi.

## 05 *Enterprise Architecture*

Mengamalkan *enterprise architecture* (EA) berpandukan Garis Panduan Pelaksanaan EA Sektor Awam (MyGovEA) bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang bersepadu, terangkum dan selamat dengan mengutamakan rakyat.

## 06 Pengurusan Perubahan

Pemerkasaan amalan pengurusan perubahan yang berterusan dan berkesan bagi memastikan inisiatif pendigitalan di semua peringkat agensi kerajaan persekutuan dan negeri diterima dan dilaksanakan dengan jayanya.

## 07 Perundangan dan Peraturan

Perundangan/akta/dasar/pekeliling/garis panduan dan peraturan yang relevan, holistik dan dinamik bagi memenuhi tuntutan persekitaran dan kelangsungan Kerajaan Digital yang mampan.

## 08 Keselamatan Siber

Memperkasakan Keselamatan Siber bagi memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan digital yang selamat dan boleh dipercayai serta melindungi maklumat peribadi rakyat.

## 09 Kesediaan Teknologi

Kesediaan teknologi baharu yang mencipta inovasi dan nilai serta mempercepat tugas dan proses untuk meningkatkan penawaran perkhidmatan digital, meningkatkan prestasi, memberi impak kepada pelbagai sektor dan bermanfaat kepada rakyat.

# RANGKA KERJA MyGovEA

JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

MyGovEA akan mewujudkan Enterprise Architecture yang bersepadu bagi melonjak **transformasi penyampaian perkhidmatan**

1 VISI

6 TADBIR URUS

2 DOMAIN

3 PRINSIP

5 ALAT/RADAS

4 METODOLOGI



# DATA DICTIONARY SEKTOR AWAM (DDSA)

## PEKELILING DDSA – DDSA SEBAGAI STANDARD


KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING AM BIL. 2 TAHUN 2002

PENGGUNAAN DAN PEMAKAIAN
DATA DICTIONARY SEKTOR AWAM (DDSA)
SABAGAI STANDARD DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN

**TUJUAN**
"Pekeliling ini bertujuan untuk **menjelaskan penggunaan DDSA sebagai standard** di semua agensi kerajaan serta **menerangkan tindakan yang perlu diambil** oleh agensi-agensi kerajaan dalam melaksanakannya."

**2 JENIS STANDARD**

**1** "definisi data"

**Definisi standard**

**Contoh:**
Medan "Nama"
Definisi:
"nama seperti yang terdapat di dalam kad pengenalan" atau
"nama seperti di dalam pasport bagi warganegara asing" atau
"nama seperti di dalam sijil lahir bagi mereka yang berumur kurang dari 12 tahun".

**2** "pematuhan format data"

**Label dan format** (saiz medan dan jenis medan) **standard**

**Contoh:**
Medan "Kod Negeri"
Saiz Medan: 2 digit
Jenis Medan: numerik

# TADBIR URUS DATA







Figure 15 Data Governance and Data Management

*Sumber: DAMA-DMBOK Data Management Body of Knowledge, 2nd Edition* (2017).

# DEFINISI
# DATA DAN PERKONGSIAN DATA




- Bermaksud Agensi Sektor Awam berkongsi data secara selamat antara Agensi Sektor Awam, komuniti perniagaan, rakyat dan penjawat awam bagi tujuan mengoptimumkan potensi data.

G2G, G2B, G2C dan G2E.

- Merujuk fakta, statistik, representasi maklumat atau konsep yang disediakan dalam bentuk elektronik dan boleh disampaikan, dianalisis atau diproses sama ada oleh komputer atau kaedah automatik yang lain.




*Sumber: Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 2 Tahun 2021 – Dasar Perkongsian Data Sektor Awam*



# FAEDAH PERKONGSIAN DATA

01

Penggunaan semula data merentas agensi

Mengurangkan pertindihan usaha pengumpulan data

Menjimatkan masa, tenaga dan kos

02


Banjir di enam negeri, lebih 16,500 mangsa dipindahkan

Januari 4, 2021 @ 10:57am

Keadaan rumah penduduk di Taman Slim Permai, Slim River, yang dilanda banjir akibat daripada air su
melimpah berikutan hujan tidak berhenti sejak awal pagi hingga ke tengah malam tadi. - NSTP/Sharul

Pembuatan keputusan berasaskan data

Meningkatkan kualiti perkhidmatan

Meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara

**Data-Information-Knowledge-Wisdom (DIKW) Hierarchy/Pyramid**




*Sumber: Tedeschi, L. O. 2019. Mathematical modeling in ruminant nutrition: approaches and paradigms, extant models, and thoughts for upcoming predictive analytics. J. Anim.*

# FAEDAH PERKONGSIAN DATA




**Gerbang Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan (Government Online Services Gateway - GOSG)**

03

**Penyediaan perkhidmatan digital Kerajaan yang lancar (*seamless*) melalui konsep *Whole of***

Memudahkan rakyat/pelanggan berurusan dengan Kerajaan

# ISU DAN CABARAN PERKONGSIAN DATA DAN USAHA PEMANTAPAN

## MANUSIA
01

**Kesedaran dan promosi**

- Kurang kesedaran dan promosi kepentingan perkongsian data

**Kurang komitmen kementerian dan agensi**

- Tidak mahu berkongsi
- Beban kerja yang banyak

## PROSES & TEKNOLOGI
02

**Mekanisma perkongsian / integrasi data**

- Mekanisme integrasi data yang rumit dan tidak automatik

**Format dan Sumber**

- Pelbagai format data.
- Pelbagai sumber (duplikasi)
- Data bukan dalam format *machine readable*

## POLISI DAN PERUNDANGAN
03

**Halangan Perundangan**

- Halangan polisi/akta semasa ke arah perkongsian data

**Privasi dan Sensitiviti**

- Data privasi dan sensitif tidak boleh dikongsi



**DASAR PERKONGSIAN DATA SEKTOR AWAM (DPDSA)**
Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 2 Tahun 2021 – Dasar Perkongsian Data Sektor Awam.

# ISU DAN CABARAN PERKONGSIAN DATA DAN USAHA PEMANTAPAN

## MANUSIA 01

**Kesedaran dan promosi**

- Kurang kesedaran dan promosi kepentingan perkongsian data

**Kurang komitmen kementerian dan agensi**

- Tidak mahu berkongsi
- Beban kerja yang banyak

**Dapatan *Kajian**

❑ **Tadbir Urus pengurusan data pelbagai**

- ✔ Ada tadbir urus
- ✔ Tiada tadbir urus
- ✔ Agenda mesyuarat
- ✔ Kelulusan ketua jabatan.

**Usaha Pemantapan**

❑ **Jawatankuasa Penyelarasan Program Berpacukan Data (JPPBD) peringkat Sektor Awam**

❑ **Jawatankuasa Penyelarasan Data Agensi** (boleh menggunakan forum jawatankuasa semasa:

- ✔ menyelaras program berkaitan data.
- ✔ mengenalpasti data yang diperoleh, disimpan dan diuruskan dalam agensi.
- ✔ menimbang dan meluluskan permohonan perkongsian data.

❑ Pembangunan **Prosedur Perkongsian Data Agensi**.

- ✔ Pasukan Pentadbir Data
- ✔ Pasukan Perkongsian Data

❑ **Pembudayaan yang berterusan**:

- ✔ kesedaran dan kefahaman kepentingan perkongsian data.
- ✔ pembangunan kompetensi dan keupayaan modal insan
- ✔ Penerapan **nilai dan etika** dalam perkongsian data

* Kajian Pembangunan Dasar Perkongsian Data Sektor Awam

# ISU DAN CABARAN PERKONGSIAN DATA DAN USAHA PEMANTAPAN

**PROSES & TEKNOLOGI**

**02**

### Mekanisma perkongsian / integrasi data

- Mekanisme integrasi data yang rumit dan tidak automatik

### Format dan Sumber

- Pelbagai format data.
- Pelbagai sumber (duplikasi)
- Data bukan dalam format *machine readable*

## Usaha Pemantapan

- ❑ **Penggunaan standard yang menyokong *interoperability***
  - ✔ Contoh: Data Dictionary Sektor Awam (DDSA)
- ❑ **Penggunaan Platform Perkongsian Data**
  - ✔ Peringkat sektor awam (Platform Perkongsian Data Sektor Awam)
  - ✔ Peringkat kluster
- ❑ **Peranan dan Tanggungjawab Pentadbir Platform**
- ❑ **Ciri-ciri Standard Platform Perkongsian Data**
  - ✔ Keselamatan
  - ✔ Ketersediaan
  - ✔ *Visibility* dan Ketelusan
  - ✔ *Auditability*
  - ✔ *Scalability*
  - ✔ Ketahanan dan Kelestarian
  - ✔ Kemudahan untuk pemasangan



# ISU DAN CABARAN PERKONGSIAN DATA DAN USAHA PEMANTAPAN

## POLISI DAN PERUNDANGAN

## 03

### Halangan Perundangan

- Halangan polisi/akta semasa ke arah perkongsian data

### Privasi dan Sensitiviti

- Data privasi dan sensitif tidak boleh dikongsi

## Dapatan *Kajian

❑ **Instrumen Perundangan**

✔ Akta

✔ Peraturan







*https://theodi.org/about-the-odi/the-data-spectrum/*

## Usaha Pemantapan

❑ **Perundangan dan Peraturan yang Kondusif**

✔ Agensi hendaklah **menyemak dan membuat penjajaran terhadap instrumen perundangan serta pentadbiran yang sedang berkuat kuasa di agensi** bagi menyokong dasar perkongsian data dan keperluan pendigitalan.

✔ **Agensi perlu menyediakan prosedur perkongsian data** yang jelas selari dengan keperluan perundangan dan peraturan semasa.

❑ Tanggungjawab agensi pembekal data antara lain:

✔ Membuat pengelasan terhadap data (termasuk semasa data mula dicipta) sebelum melaksanakan perkongsian data kepada pihak lain.

* Kajian Pembangunan Dasar Perkongsian Data Sektor Awam

# DASAR PERKONGSIAN DATA SEKTOR AWAM

JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

1. PENGENALAN
2. PEMUDAH CARA PERKONGSIAN DATA SEKTOR AWAM
3. PELAKSANAAN PERKONGSIAN DATA YANG SELAMAT
4. PERLINDUNGAN
5. PEMATUHAN DAN TANGGUNGJAWAB
6. SEMAKAN
7. PENUTUP




**7 BAB**

- Takrifan – 28 Istilah
- 5 Lampiran

# DASAR PERKONGSIAN DATA SEKTOR AWAM

JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

## SENARAI LAMPIRAN




| LAMPIRAN | TAJUK |
|---|---|
| A1 | Tatacara Umum Permohonan dan Kelulusan Perkongsian Data |
| A2 | Contoh Surat Rasmi Permohonan Data |
| A3 | Contoh Surat Rasmi Kelulusan Permohonan Data |
| A4 | Contoh Memorandum Persefahaman (MoU) |
| A5 | Contoh Perjanjian Perkongsian Data |

# DASAR PERKONGSIAN DATA NASIONAL (NATIONAL DATA SHARING POLICY - NDSP)




Kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 13 April 2022.
Pemilik: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM)

**Majlis Ekonomi Digital & 4IR Negara**
- **Pengerusi – YAB PM**

**Kluster Infrastruktur Digital & Data**
- **Pengerusi – YB Menteri K-KOMM**

**Jawatankuasa Pelaksanaan NDSP**
- **Pengerusi bersama: TKSU K-KOMM & CEO MDEC**

**Unit Pelaksanaan NDSP**
- MDEC

# RUMUSAN




1 HALA-TUJU STRATEGIK

2 TADBIR-URUS DATA




DAMA-DMBOK2 Data Management Framework

Copyright © 2017 by DAMA International

3 DEFINISI DATA DAN PERKONGSIAN DATA

4 FAEDAH BERKONGSI DATA

5 ISU DAN CABARAN PERKONGSIAN DATA DAN USAHA PEMANTAPAN

6 RUMUSAN










MAMPU
BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI

Pautan pekeliling MAMPU: https://dasar.mampu.gov.my/

# SEKIAN, TERIMA KASIH

Maklumat yang dipaparkan dalam slaid ini adalah hakmilik
Unit Pemodenan Tadbiran
Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Sebarang salinan hendaklah mendapat persetujuan dan
kelulusan MAMPU

BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI